

**BUKU PERATURAN DAN SYARAT
ISTIADAT KONVOKESYEN KALI KE-7
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

DISEDIAKAN OLEH :

**Bahagian Pentadbiran Akademik
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 3, Blok Akademik & Pentadbiran (BAP)
Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok
Beg Berkunci No.01,
16300, Bachok, Kelantan**

KANDUNGAN	
Perkara	Muka Surat
Senarai Semak	2
Maklumat Penting	3 - 4
Raptai	5
Syarat Penyertaan Graduan & Bayaran	5 - 7
Peraturan Pakaian	7 - 11
Ibu bapa/Tetamu dan Kad Masuk	12 - 13
Kajian Pengesanan Graduan IPTA & Pelekat Kenderaan Graduan	13
Gambar Graduan dan Maklumat Mengenai Pengambilan Ijazah	14-15
Hal-Hal Lain	16

LAMPIRAN (UNTUK DIISI OLEH GRADUAN)			
Perkara			Muka Surat
Borang Kebenaran Wakil Mengambil Ijazah Bagi Pihak Graduan	Lampiran A	UMK(K)001	17 - 18
Borang Kebenaran Mengepos Ijazah	Lampiran B	UMK(K)002	19 - 20
Borang Kebenaran Wakil Mengambil Pakaian Konvokesyen Bagi Pihak Graduan	Lampiran C	UMK(K)003	21 - 22
Borang Pengambilan dan Pemulangan Pakaian Konvokesyen	Lampiran D	UMK(K)004	23 - 26

LAMPIRAN BERASINGAN	
1.	Surat Jemputan - <i>Telah dihantar melalui pos</i>
2.	Kad Masuk dan Pelekat Kenderaan - <i>Diserahkan semasa pengambilan pakaian konvokesyen</i>

**ISTIADAT KONVOKESYEN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

SENARAI SEMAK / CHECK LIST

Perkara yang dilakukan oleh Graduan sebelum menghadiri Istiadat Konvokesyen:

BIL	PERKARA	TINDAKAN		CATATAN
		YA	TIDAK	
1.	Telah menjawab Pengesahan Kehadiran Graduan ke Istiadat Konvokesyen secara atas talian http://egraduasi.umk.edu.my .			
2.	Telah menjelaskan bayaran Konvokesyen melalui Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB BANK) / Bank Draf / Kiriman Wang sepertimana jumlah yang tercatat di dalam Surat Jemputan Graduan. Sila bawa resit bayaran semasa mengambil pakaian konvokesyen.			
3.	Telah menjelaskan segala yuran pengajian atau tunggakan dengan pihak Universiti.			
4.	Telah memulangkan buku-buku Perpustakaan.			
5.	Telah mengisi Borang Kajian Pengesanan Graduan secara atas talian dalam tempoh yang ditetapkan dan mengikut keperluan semasa http://graduan.mohe.gov.my . Borang ini perlu dicetak dan dibawa semasa mengambil pakaian konvokesyen.			
6.	Telah mengisi maklumat yang diperlukan dalam Portal Alumni http://egraduasi.umk.edu.my .			
7.	Telah menyediakan pakaian untuk menghadiri Istiadat Konvokesyen sepertimana yang ditetapkan.			
8.	Telah memaklumkan kepada ibu bapa / tetamu tatacara pakaian rasmi untuk menghadiri Istiadat Konvokesyen sepertimana yang ditetapkan.			
9.	Kad masuk untuk ibu bapa / tetamu (2 (dua) orang) telah diterima, dibawa dan diserahkan kepada ibu bapa / tetamu.			
10.	Pelekat kenderaan telah diterima, dibawa dan dipamer di cermin hadapan kenderaan semasa menghadiri raptai dan Istiadat Konvokesyen.			

MAKLUMAT PENTING

1. Istiadat Konvokesyen UMK

- a) Istiadat Konvokesyen akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan sebagaimana yang tercatat di dalam Surat Jemputan Graduan.
- b) Pendaftaran Konvokesyen
- i) Tarikh, Sesi, Masa dan Fakulti / Kod Program :

TARIKH	SESI	MASA	FAKULTI / KOD PROGRAM
09/10/2017	Pertama	7.15 pagi	Ijazah Doktor Falsafah dan Ijazah Sarjana
10/10/2017	Kedua	7.15 pagi	Fakulti Industri Asas Tani (SBH, SBP, SBT & SBS)
	Ketiga	10.30 pagi	Fakulti Industri Asas Tani (SBS) Fakulti Perubatan Veterinar (SDV) Fakulti Sains Bumi (SEB, SEL, SEN & SEG)
	Keempat	1.45 petang	Fakulti Sains Bumi (SEG) Fakulti Keusahawanan & Perniagaan (SAL & SAR)
11/10/2017	Kelima	7.15 pagi	Fakulti Keusahawanan & Perniagaan (SAR & SAK)
	Keenam	10.30 pagi	Fakulti Keusahawanan & Perniagaan (SAK & SAB)
	Ketujuh	1.45 petang	Fakulti Keusahawanan & Perniagaan (SAB) Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (SCK)
12/10/2017	Kelapan	7.15 pagi	Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan (SCK & SCW)
	Kesembilan	10.30 pagi	Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (SCW) Fakulti Hospitaliti, Pelancongan & Kesejahteraan (SAP & SAH)
	Kesepuluh	1.45 petang	Fakulti Hospitaliti, Pelancongan & Kesejahteraan (SAH & SAW)

- ii) Maklumat yang perlu dibawa
- Surat Jemputan Graduan yang asal beserta salinan
 - Kad pengenalan / MyKad / Pasport Graduan yang asal beserta salinan
 - Salinan Slip Bayaran Konvokesyen / Resit Rasmi yang asal beserta salinan
- iii) Syarat pendaftaran :
- Tanpa** salinan Surat Jemputan Graduan / Kad Pengenalan / MyKad / Pasport, Graduan **tidak dibenarkan** mendaftar untuk menyertai Istiadat Konvokesyen ini.
- c) **Universiti berhak menahan atau melarang Graduan** yang tidak mendaftar daripada menyertai istiadat ini.
- d) **Surat Jemputan Graduan** hendaklah dibawa semasa mengambil pakaian konvokesyen dan juga semasa pendaftaran konvokesyen bagi melancarkan proses kedua-dua urusan.
- e) **Kad Giliran** yang mengandungi nombor giliran / susunan barisan akan diberikan kepada Graduan semasa pendaftaran konvokesyen bagi memudahkan Graduan berbaris mengikut giliran. Sila ikut arahan yang diberikan oleh pegawai dan staf yang bertugas.
- f) **Perbarisan Graduan** bermula di luar dewan mengikut fakulti dan nombor giliran yang telah diberikan.
- g) Graduan yang **hadir lewat** atau **tidak memenuhi peraturan pakaian** menghadiri Istiadat Konvokesyen semasa pendaftaran **tidak akan dibenarkan** menyertai istiadat.
- h) **Graduan diminta menghormati istiadat** yang sedang berlangsung dengan tidak membuat bising atau sesuatu yang boleh mengganggu keharmonian istiadat.
- i) **Graduan adalah dinasihatkan** supaya tidak membawa masuk barang-barang persendirian seperti beg, kamera, telefon bimbit atau sebagainya ke dalam Dewan Konvokesyen.
- j) **Graduan kurang upaya (mengandung, cacat atau kemalangan)** yang memerlukan bantuan peralatan seperti kerusi roda atau pembantu diminta memaklumkan kepada pihak Universiti atau kepada staf bertugas semasa hari raptai.
- k) **Graduan dilarang** meninggalkan dewan semasa istiadat sedang berlangsung.
- l) **Graduan diminta** memaklumkan kepada ibu bapa / tetamu supaya berpakaian kemas dan tertib yang bersesuaian untuk majlis rasmi.
- m) **KUASA UNIVERSITI : Graduan hendaklah mematuhi peraturan dan syarat yang dinyatakan di atas bagi membolehkan penyertaan ke Istiadat Konvokesyen ini.**

2. RAPTAI

- a) Raptai akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat sepertimana yang tercatat di dalam Surat Jemputan Graduan.
- b) Semua Graduan adalah diwajibkan untuk menghadiri raptai Istiadat Konvokesyen bagi membantu kelancaran Istiadat Konvokesyen yang diadakan.
- c) Semua Graduan hendaklah **berpakaian kemas dan sopan** serta bersesuaian dengan istiadat.
- d) Graduan lelaki hendaklah **berambut pendek / tidak mencecah kolar baju**.
- e) Graduan adalah **DILARANG** memakai seluar 'jeans', berbaju 'T' dan berselipar semasa raptai.

NOTA : Graduan yang tidak mematuhi peraturan dan syarat (c, d & e) yang dinyatakan di atas tidak akan dibenarkan menyertai Istiadat Konvokesyen.

3. SYARAT PENYERTAAN GRADUAN DAN BAYARAN

- a) ***Pengesahan Kehadiran Graduan** ke Istiadat Konvokesyen ini hendaklah dibuat secara atas talian di <http://egraduasi.umk.edu.my>. Tarikh tutup untuk pengesahan kehadiran adalah sebelum atau pada **05 Oktober 2017**.
- b) Graduan yang tidak menghadiri Istiadat Konvokesyen akan dikenakan kadar bayaran yuran yang sama seperti graduan lain. Slip Bayaran Bank / Resit Rasmi mesti diserahkan semasa hendak mengambil Ijazah masing-masing.
- c) Bayaran Konvokesyen hendaklah dibuat **atas nama 'UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN', No. Akaun : 03036010016919** di mana-mana cawangan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dengan menggunakan Slip Deposit Tunai / Deposit Cek / Pembayaran Bil.

Sekiranya kemudahan Bank Islam Malaysia Berhad tiada / sukar diperolehi, pelajar boleh membuat bayaran melalui Bank Draf / Kiriman Wang atas nama **'UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN'**. Bank Draf / Kiriman Wang tersebut hendaklah diserahkan / dihantar / diposkan kepada pihak Universiti dengan menggunakan alamat seperti berikut :-

**Bahagian Terimaan dan Kewangan Pelajar
Pejabat Bendahari
Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Kota
Karung Berkunci 36
16100 Pengkalan Chepa
KELANTAN DARUL NAIM**

- Nota :
- i. Setiap pembayaran hendaklah dibuktikan dengan Resit Rasmi.
 - ii. Sila bawa Slip Bayaran Bank / Resit Rasmi semasa mengambil pakaian konvokesyen.

Jika terdapat sebarang masalah mengenai urusan pembayaran, sila hubungi Bahagian Terimaan dan Kewangan Pelajar, Pejabat Bendahari di talian 09-7717105 / 7111 / 7194.

Kadar bayaran yuran Konvokesyen adalah sepertimana berikut :

Peringkat Pengajian	Kadar Yuran (RM)
Sarjana Muda	220.00
Sarjana / Doktor Falsafah	270.00

4. TATACARA BAYARAN MELALUI KAUNTER BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

- i. Slip pembayaran boleh didapati di Kaunter Bank Islam dan perlu diisi dengan lengkap serta diserahkan di Kaunter Bank Islam untuk tujuan pembayaran.
- ii. Setiap transaksi akan dikenakan caj perkhidmatan oleh pihak Bank Islam.
- iii. Graduan perlu memastikan maklumat pembayaran adalah betul dan lengkap sebelum meninggalkan kaunter bank.

- iv. Slip pembayaran perlu disimpan dan diserahkan satu (1) salinan kepada Bahagian Terimaan dan Kewangan Pelajar, Pejabat Bendahari melalui emel kew.pelajar@umk.edu.my dan satu (1) salinan lagi kepada Bahagian Pentadbiran Akademik melalui emel akademik@umk.edu.my dalam tempoh 7 hari selepas pembayaran dibuat.

PERHATIAN!!!

Pembayaran menggunakan sistem '*Cash Depost Machine*' (CDM) dan '*Interbank Giro*' (IBG) adalah TIDAK DIBENARKAN.

5. PERATURAN PAKAIAN

a) Pakaian dan Penampilan Graduan Lelaki

- i) Graduan lelaki diwajibkan memakai '*Lounge Suit*' berwarna **hitam** dan bertali leher **hitam**; **ATAU** Baju Melayu Cekak Musang berwarna **hitam**, berbutang lengkap, bersampin **hitam** dan stoking serta kasut berwarna **hitam keseluruhannya (termasuk tapak kasut)**.
- ii) Definisi '*Lounge Suit*' ialah Kot / Blazer berwarna **hitam**, kemeja lengan panjang berwarna putih, seluar panjang berwarna **hitam**, tali leher berwarna **hitam** dan stoking serta kasut berwarna **hitam keseluruhannya (termasuk tapak kasut)**.
- iii) Graduan lelaki yang beragama Sikh dibenarkan memakai turban berwarna **hitam** sahaja.
- iv) Jubah dan '*Bonnet / Mortarboard / Hood*' akan disediakan secara pinjaman oleh Universiti.
- v) **Graduan lelaki adalah DILARANG / TIDAK DIBENARKAN:**
 - Memakai tali bow (*Bow Tie*)
 - Memakai subang telinga dan gelang tangan
 - Mewarnakan rambut
 - Berambut panjang sehingga mencecah kolar baju
 - Memakai '*sandle*' atau kasut sukan
 - Memakai seluar singkat

b) Pakaian dan Penampilan **Graduan Wanita**

- i) Graduan wanita diwajibkan memakai **BAJU KURUNG** atau **PAKAIAN LABUH** yang bersesuaian, tidak ketat dan memudahkan pergerakan. Pilihan warna adalah **BEBAS** (kecuali seperti yang dinyatakan dibawah). **Kadar labuh kain ialah sehingga ke bahagian buku lali (*ankle*) dan tidak berbelah di kiri, kanan, depan atau belakang.** Baju hendaklah tertutup hingga ke pangkal leher di bahagian hadapan dan belakang serta berlengan panjang hingga ke pergelangan tangan.
- ii) Graduan wanita diwajibkan memakai **kasut berwarna hitam keseluruhannya termasuk tapak, bertutup penuh dari bahagian hadapan kaki hingga ke tumit kaki (*cover shoes*).**
- iii) Jubah dan '*Bonnet / Mortarboard / Hood*' akan disediakan secara pinjaman oleh Universiti.
- iv) **Graduan wanita adalah DILARANG / TIDAK DIBENARKAN:**
 - ❖ Mewarnakan rambut
 - ❖ Memakai pakaian yang menutup muka
 - ❖ Memakai pakaian berwarna Biru DiRaja, Kuning DiRaja, Putih Sedondon atau Sedondon (dari jenis kain songket)
 - ❖ Memakai kain yang singkat / nipis / jarang
 - ❖ Memakai pakaian berbentuk seluar
 - ❖ Memakai selipar atau '*sandle*' atau kasut sukan

PARA GRADUAN YANG TIDAK MEMATUHI PERATURAN DAN PENAMPILAN YANG DITETAPKAN, PIHAK JAWATANKUASA PENGURUSAN GRADUAN MEMPUNYAI KUASA UNTUK TIDAK MEMBENARKAN GRADUAN MENYERTA ISTIADAT KONVOKESYEN.

c) Pakaian Yang Perlu Diambil:

Setiap Graduan dikehendaki mengambil satu (1) set pakaian konvokesyen secara pinjaman dari Universiti seperti berikut :

Bidang Pengajian	Jenis Pakaian Konvokesyen
i. Ijazah Doktor Falsafah	Jubah, <i>Bonnet & Hood</i>
ii. Ijazah Sarjana	Jubah, <i>Mortar Board & Hood</i>
iii. Ijazah Sarjana Muda	

Nota : Bagi Graduan yang berminat untuk membeli set pakaian konvokesyen UMK, kadar harga yang telah ditetapkan adalah seperti berikut :

Sarjana Muda	Sarjana	Doktor Falsafah (PhD)
RM520.00 / set	RM685.00 / set	RM734.00 / set

d) Setiap fakulti mempunyai warna *hood* hadapan yang berbeza di antara satu sama lain. Pengenalan Fakulti / Warna *Hood* bagi Graduan Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda adalah sepertimana berikut :

Fakulti	Warna Hood		
	Ijazah Sarjana Muda	Sarjana	Doktor Falsafah
Industri Asas Tani	Hijau Kepala Itik	Warna yang sama dengan <i>hood</i> Ijazah Muda tetapi ditambah dengan jalur berwarna emas	Baldu biru ditambah dengan jalur berwarna emas
Sains Bumi	Coklat		
Keusahawanan & Perniagaan	<i>Maroon</i>		
Teknologi Kreatif & Warisan	Ungu		
Perubatan Veterinar	Merah		
Hospitaliti, Pelancongan & Kesejahteraan	Putih		
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah	Biru <i>turquoise</i>		
<i>Malaysian Graduate School Of Entrepreneurship & Business</i>	-	Kuning emas ditambah dengan jalur berwarna emas	

e) Pengambilan dan Pemulangan Pakaian Konvokesyen

i) Berikut adalah perkara yang perlu dikemukakan semasa pengambilan pakaian konvokesyen :

- Borang Pengambilan dan Pemulangan Pakaian Konvokesyen (dua (2) salinan)
- Salinan Surat Jemputan Graduan
- Salinan Kad Pengenalan / MyKad / Pasport Graduan
- Salinan Kad Pengenalan / MyKad / Pasport Wakil (jika mewakilkan)
- Slip Bayaran Bank / Resit Rasmi Pembayaran Yuran Konvokesyen
- Slip Bayaran Yuran Tertunggak (jika ada)
- Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan
- Cetakan maklumat peribadi daripada Portal Alumni di laman url seperti berikut : <http://egraduasi.umk.edu.my>

- ii) Tarikh, masa dan tempat bagi urusan pengambilan dan pemulangan pakaian konvokesyen adalah sepertimana berikut :

PENGAMBILAN		
TARIKH DAN FAKULTI	MASA	TEMPAT
A. 01/10/2017 Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dan <i>Malaysian Graduate School Of Entrepreneurship & Business (MGSEB)</i> *Graduan Sarjana dan PhD sahaja		
B. 02/10/2017 Fakulti Sains Bumi (FSB) dan Fakulti Industri Asas Tani (FIAT)	8.30 pg hingga	Bilik Jubah Laman Monsun
C. 03/10/2017 Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) dan Fakulti Keusahawanan & Perniagaan (FKP)	5.00 ptg	UMK Kampus Bachok
D. 04/10/2017 Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan (FTKW)		
E. 05/10/2017 Fakulti Hospitaliti, Pelancongan & Kesejahteraan (FHPK)		
PEMULANGAN		
TARIKH DAN FAKULTI	MASA	TEMPAT
*09/10/2017 Semua fakulti	2.00 ptg hingga 5.00 ptg	Bilik Kuliah K106D (Responsibility) UMK Kampus Kota
*10/10/2017 hingga *12/10/2017 Semua fakulti	8.30 pg hingga 5.00 ptg	Bilik Kuliah K106D (Responsibility) UMK Kampus Kota
15/10/2017 hingga 16/10/2017 Semua fakulti	8.30 pg hingga 5.00 ptg	Aras 3, Blok Akademik & Pentadbiran (BAP), UMK Kampus Bachok

Nota : *Untuk proses pemulangan jubah pada 9/10/2017 hingga 12/10/2017, kaunter akan **DITUTUP** tepat jam **5.00 petang** bagi memberi ruang kepada Urusetia untuk merekod jumlah sebelum dihantar kepada pihak dobi pada hari yang sama.

- iii) Graduan boleh mewakilkan kepada orang lain untuk urusan pengambilan pakaian konvokesyen dengan menggunakan surat wakil seperti di **Borang UMK(K)003**. Borang ini hendaklah dibawa oleh wakil tersebut bersama-sama **Perkara 5(e)(i)**.
- iv) Walau bagaimanapun, wakil hanya dibenarkan untuk mengambil **dua (2) set** pakaian konvokesyen sahaja (termasuk untuk diri sendiri) dalam satu-satu masa.
- v) Pakaian konvokesyen hendaklah dipulangkan sebaik sahaja Graduan selesai menerima penganugerahan atau dalam tempoh pemulangan yang telah ditetapkan.
- vi) Denda Kelewatan Pemulangan Pakaian Konvokesyen
- **Bermula 17 Oktober 2017 dan seterusnya**, denda dikenakan sebanyak **RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh sahaja) sehari** mengikut bilangan hari bekerja sekiranya graduan gagal memulangkan pakaian tersebut dalam tempoh masa yang telah diberikan sehinggalah ke tarikh penyerahan dibuat. Kegagalan menjelaskan pembayaran, Ijazah akan ditahan sehingga pembayaran diselesaikan. Sila pastikan setiap pembayaran dibuktikan dengan resit.
- (f) Pengubahsuaian / Kehilangan / Kerosakan Pakaian Konvokesyen
- (i) Graduan **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali membuat pengubahsuaian seperti menjahit lengan atau mengubah kadar labuh ke atas pakaian konvokesyen UMK. Sebarang pengubahsuaian yang telah dibuat tanpa kebenaran daripada pihak Universiti akan dikenakan denda.
- (ii) Graduan adalah diminta untuk menyelesaikan bayaran denda terlebih dahulu sebelum membuat tuntutan Ijazah. Pembayaran hendaklah dibuktikan dengan resit.
- (iii) Pakaian konvokesyen yang rosak atau hilang akan dikenakan bayaran gantirugi mengikut kadar seperti berikut:

Bidang Pengajian	Jubah	'Bonnet/ Mortarboard'	Hood
Ijazah Doktor Falsafah	RM350.00	RM50.00	RM90.00
Ijazah Sarjana			
Ijazah Sarjana Muda			

Bayaran denda adalah tertakluk kepada pindaan.

Kerosakan pada pakaian konvokesyen adalah termasuk koyak pada jubah / mortarboard / bonnet / hood, kerosakan songket, kerosakan zip dan sebagainya.

6. IBU BAPA / TETAMU & KAD MASUK

- a) Setiap Graduan akan diberi **dua (2) keping** kad masuk untuk **dua (2) orang ibu bapa / tetamu**. Kad masuk akan diserahkan pada hari pengambilan pakaian konvokesyen.
- b) Ibu bapa / tetamu yang **tidak membawa kad masuk, tidak akan dibenarkan masuk ke dalam Dewan Konvokesyen**.
- c) Ibu bapa / tetamu adalah diminta supaya mengambil tempat duduk di dalam Dewan Konvokesyen seperti maklumat berikut :-
 - * sebelum **jam 8.00 pagi** untuk sidang pertama, ke-2, ke-5 dan ke-8
 - * sebelum **jam 11.00 pagi** untuk sidang ke-3, ke-6 dan ke-9
 - * sebelum **jam 2.00 petang** untuk sidang ke-4, ke-7 dan ke-10.
- d) Ibu bapa / tetamu adalah dinasihatkan supaya bersarapan pagi (bagi sesi pagi) dan makan tengahari (bagi sesi petang) terlebih dahulu sebelum memasuki dewan. Istiadat Konvokesyen dijangka akan mengambil masa yang agak lama untuk selesai.
- e) Ibu bapa / tetamu hendaklah berpakaian rasmi seperti berikut :
 - i) Pakaian tetamu lelaki
 - Baju Kebangsaan, atau
 - Baju Batik, atau
 - 'Lounge Suit', atau
 - Pakaian rasmi yang sesuai.

Nota : TIDAK DIBENARKAN memakai seluar 'jeans' dan berbaju-T.

- ii) Pakaian tetamu wanita
 - Baju Kebangsaan, atau
 - Pakaian rasmi, atau
 - Pakaian sopan.

Nota : TIDAK DIBENARKAN memakai gaun atau *skirt* yang pendek (tidak melebihi paras lutut), '*blouse*' tanpa lengan, berseluar 'jeans' dan berbaju-T.

- f) Ibu bapa / tetamu diminta untuk menghormati istiadat yang sedang berlangsung dengan tidak membuat bising atau mengganggu keharmonian istiadat. Ibu bapa / tetamu juga dilarang meninggalkan dewan semasa Istiadat Konvokesyen sedang berlangsung.

- g) **Tetamu yang berumur di bawah 12 tahun** adalah tidak dibenarkan masuk ke dalam Dewan Konvokesyen.

7. KAJIAN PENGESANAN GRADUAN IPTA

- a) Kementerian Pengajian Tinggi menjalankan Kajian Pengesanan Graduan sebagai satu usaha meningkatkan tahap jaminan kualiti perkhidmatan serta sistem pendidikan tinggi Negara. Sehubungan dengan itu, semua Graduan diminta mengisi borang kajian tersebut secara *on-line* di <http://graduan.mohe.gov.my>
- b) Graduan yang telah mengisi borang kajian tersebut perlulah mencetak slip pengesanan dan menyerahkannya kepada urusetia sebelum mengambil pakaian konvokesyen.
- c) Bagi Graduan yang tidak menghadiri Istiadat Konvokesyen dan memohon supaya Ijazah diposkan, slip pengesanan perlu dihantar bersama-sama **Borang UMK(K)002** dan jika Graduan memohon wakil untuk mengambil Ijazah, slip pengesanan tersebut juga perlu disertakan bersama-sama **Borang UMK(K)001**.
- d) Ijazah akan ditahan sekiranya Graduan tidak mengisi borang kajian tersebut dengan lengkap (tertakluk kepada pindaan).
- e) Sistem Kajian Pengesanan Graduan IPTA boleh dicapai mulai **sebulan sebelum tarikh Konvokesyen dan akan ditutup satu (1) minggu selepas tarikh Konvokesyen**.
- f) Sebarang pertanyaan mengenai Kajian Pengesanan Graduan, sila hubungi **Pn. Wan Nurshahidatul Fatimah binti Wan Lamli di Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni melalui talian 09-7797421 atau email shahidatul@umk.edu.my**.

8. PELEKAT KENDERAAN GRADUAN

- a) Seorang Graduan akan diberi satu (1) keping pelekat kenderaan.
- b) Graduan dikehendaki melekatkan pelekat kenderaan di cermin hadapan kenderaan masing-masing semasa menghadiri raptai dan Istiadat Konvokesyen.
- c) Kenderaan hendaklah diletakkan di tempat letak kereta yang telah disediakan oleh pihak Universiti.

Nota : Sila patuhi arahan / tunjuk arah yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Universiti.

9. GAMBAR GRADUAN

- a) Pihak Universiti akan menyediakan kemudahan mengambil gambar Graduan semasa Istiadat Konvokesyen sedang berlangsung di dalam Dewan Konvokesyen.
- b) Berikut adalah pakej gambar yang disediakan oleh pihak Universiti :

- | | |
|------|--|
| i) | 1 keping gambar bersaiz 11R |
| ii) | 1 keping gambar bersaiz 8R |
| iii) | 1 keping CD mengandungi kesemua gambar di atas |

Nota : *Pakej ini telah termasuk dalam jumlah bayaran yuran konvokesyen.*

- c) Untuk penerangan atau maklumat lanjut, sila hubungi **En. Amirul Firdaus bin Zilah di Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu melalui talian 09-7717187 / 7185 atau email amirul@umk.edu.my.**
- d) Semasa istiadat sedang berlangsung, Graduan dan ibu bapa / tetamu adalah **dilarang mengambil gambar di dalam Dewan Konvokesyen**. Graduan hendaklah memaklumkan perkara ini kepada ibu bapa / tetamu graduan.

10. MAKLUMAT MENGENAI PENGAMBILAN IJAZAH

- a) Pengambilan Ijazah
- i) Graduan akan dimaklumkan mengenai pengambilan ijazah sebelum perarakan masuk ke dalam Dewan Konvokesyen.
- ii) Graduan boleh mengambil Ijazah masing-masing di Bahagian Pentadbiran Akademik, Aras 3, Blok Akademik & Pentadbiran (BAP), UMK Kampus Bachok. Sila bawa bersama perkara-perkara seperti berikut :
- Borang Pengambilan dan Pemulangan Pakaian Konvokesyen (yang telah disahkan).
 - Kad Pengenalan / MyKad / Pasport Graduan
 - Slip Bayaran Bank / Resit Rasmi Pembayaran Yuran Konvokesyen (jika diperlukan)
 - Slip Bayaran Yuran Tertunggak (jika diperlukan)
 - Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan (jika diperlukan)

iii) Kebenaran untuk wakil mengambil Ijazah di Bahagian Pentadbiran Akademik, Aras 3, Blok Akademik & Pentadbiran (BAP), UMK Kampus Bachok. Sila bawa dan kemukakan maklumat-maklumat seperti berikut :

- **Borang UMK(K)001** - Kebenaran Wakil Mengambil Ijazah Bagi Pihak Graduan
- Salinan Kad Pengenalan / MyKad / Pasport Graduan
- Kad Pengenalan / MyKad / Pasport Wakil (jika mewakilkan)
- Borang Pengambilan dan Pemulangan Pakaian Konvokesyen (yang telah disahkan).
- Slip Bayaran Bank / Resit Rasmi Pembayaran Yuran Konvokesyen (jika diperlukan)
- Slip Bayaran Yuran Tertunggak (jika diperlukan)
- Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan (jika diperlukan)

**** Nota :** Tanpa Borang UMK(K)001 dan maklumat seperti di atas, Ijazah tidak akan diserahkan kepada wakil.

iv) **Ijazah boleh dihantar melalui pos** setelah memenuhi perkara-perkara berikut :

- Mengisi dan menghantar Borang Kebenaran Mengepos Ijazah - **Borang UMK(K)002** bersama-sama maklumat di Perkara 5(e)(i) kepada Bahagian Pentadbiran Akademik, Aras 3, Blok Akademik & Pentadbiran (BAP), UMK Kampus Bachok, selepas satu (1) minggu Istiadat Konvokesyen selesai.

b) Penahanan Ijazah

Ijazah tidak akan diserahkan sekiranya Graduan masih :

- Tidak menjelaskan bayaran Konvokesyen; atau
- Belum memulangkan pakaian konvokesyen; atau
- Belum menjelaskan yuran pengajian atau sebarang tunggakan / denda dengan pihak Universiti; atau
- Belum memulangkan buku-buku Perpustakaan; atau
- Belum memulangkan barang-barang atau alatan lain yang dipinjam dari mana-mana Fakulti / Jabatan / Bahagian / Unit di Universiti; atau
- Belum mengisi Borang Kajian Pengesanan Graduan.

Nota : Sekiranya pembayaran atau penyerahan sudah dibuat, sila bawa resit pembayaran atau bukti serahan.

c) **Ijazah hanya dikeluarkan sekali sahaja oleh pihak Universiti.**

11. HAL-HAL LAIN

- a) Sila bawa bersama buku panduan ini semasa menghadiri raptai dan Istiadat Konvokesyen.
- b) Segala maklumat atau borang-borang perlu dikembalikan mengikut tempoh yang ditetapkan ke alamat seperti berikut :

**Bahagian Pentadbiran Akademik
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 3, Blok Akademik & Pentadbiran (BAP)
Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok
Beg Berkunci No.01,
16300, Bachok, Kelantan**

- c) Sebarang pertanyaan mengenai Istiadat Konvokesyen, sila hubungi **Bahagian Pentadbiran Akademik** di talian **09-779 7027/ 7047/ 7003/ 7010/ 7004/ 7023/ 7014/ 7005/ 7010/ 7013**
- d) Graduan juga boleh melayari laman web konvokesyen di **www.umk.edu.my/konvo/**
- e) Laman web Kajian Pengesanan Graduan ialah **<http://graduan.mohe.gov.my>**

BORANG KEBENARAN WAKIL MENGAMBIL IJAZAH BAGI PIHAK GRADUAN

Saya sedia maklum bahawa pihak **Universiti hanya mengeluarkan Ijazah sekali sahaja**. Saya mengaku akan bertanggungjawab di atas tindakan memberi kebenaran ini dan tidak akan membuat sebarang tuntutan terhadap Universiti Malaysia Kelantan sekiranya ijazah / diploma berkenaan rosak atau hilang.

Nama Graduan (Dengan Huruf Besar) : _____

Nombor Kad Pengenalan (Lama) / Nombor Kad Pengenalan (Baru) / Nombor Pasport : _____

Nombor Matrik : _____

Program Pengajian : _____

Kelas Penganugerahan / PNGK Terakhir : _____

Tahun Konvokesyen : _____

No. Telefon : _____

Adalah saya dengan ini membenarkan penama di bawah ini untuk mengambil Ijazah saya:

Nama Wakil : _____

Nombor Kad Pengenalan : _____

Hubungan dengan graduan : _____

No. Telefon : _____

Tandatangan graduan : _____

Tarikh : _____

Senarai Semakan: Maklumat tersebut di bawah adalah diperlukan. Borang ini hendaklah dibawa oleh wakil semasa mengambil ijazah.

- | | |
|--|--|
| | 1 (satu) salinan kad pengenalan / pasport graduan |
| | 1 (satu) salinan kad pengenalan / pasport wakil |
| | 1 (satu) salinan Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan |
| | 1 (satu) salinan Slip <i>Bank-In</i> |

**AUTHORIZATION FORM FOR THE COLLECTION OF DEGREE CERTIFICATE
ON BEHALF OF THE GRADUATE**

I am aware that **Universiti Malaysia Kelantan issues the Degree certificate only once**. I hold myself fully responsible for granting this permission. I am also aware that any claims made by me, should the certificate gets damaged or lost, will not be entertained by Universiti Malaysia Kelantan.

Name of Graduate (Capital Letters) : _____

Identity Card No. (Old) / Identity
card No. (New) / Passport No. : _____

Matric No. : _____

Programme of Study : _____

Class Awarded/PNGK Point : _____

Year of Convocation : _____

Telephone No. : _____

I hereby authorizes the person below to collect my Degree Certificate:

Name of Representative : _____

Identity Card No. : _____

Relationship : _____

Telephone No. : _____

Graduate Signature : _____

Date : _____

Check List: Kindly attached the following documents

- | | |
|--|--|
| | 1 (one) copy of Graduate Identity Card / Passport |
| | 1 (one) copy of Representative Identity Card / Passport |
| | 1 (one) copy of ' Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan' |
| | 1 (one) copy of Bank-in Slip |

BORANG KEBENARAN MENGEPOS IJAZAH

Saya seperti nama di bawah, dengan ini membenarkan pihak Universiti mengespos Ijazah saya sepertimana alamat yang tertera di bawah. Saya berjanji dan mengaku akan bertanggungjawab ke atas apa jua kemungkinan yang berlaku ke atas sijil saya apabila diposkan oleh pihak Universiti.

2. Disertakan bayaran pengeposan berjumlah **Ringgit Malaysia : Sepuluh Sahaja (RM 10.00)** dalam bentuk Kiriman Wang / Wang Pos bernombor _____ atas nama **'UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN'**

3. Saya sedia maklum bahawa **Universiti hanya mengeluarkan sekali sahaja Ijazah / Diploma.** Saya mengaku akan bertanggungjawab di atas tindakan memberi kebenaran dan tidak akan membuat sebarang tuntutan terhadap Universiti Malaysia Kelantan sekiranya sijil berkenaan rosak atau hilang.

Nama Graduan (Dengan Huruf Besar) : _____

Nombor Kad Pengenalan (Lama) / Nombor Kad Pengenalan (Baru) / Nombor Pasport : _____

Nombor Matrik : _____

Program Pengajian : _____

Tahun Konvokesyen : _____

Alamat : _____

No. Telefon : _____

Tandatangan Graduan : _____

Tarikh : _____

Senarai Semakan: maklumat di bawah adalah diperlukan

1 (satu) salinan Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan

1 (satu) salinan Slip *Bank-In*

AUTHORIZATION FORM FOR POSTAGE THE DEGREE CERTIFICATE

I, as name mentioned below, authorises the University to post my degree certificate to the address as stated below. I acknowledge that the University will not be held responsible if the certificate is lost in the mail.

Herewith I enclosed the postal charges by money order / postal order no. _____ payment to **'UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN'** with amount of **Ringgit Malaysia : Ten only (RM10.00)**.

I am aware that **Universiti Malaysia Kelantan issues the Degree certificate only once**. I hold myself fully responsible for granting this permission. I am also aware that any claims made by me, should the certificate get damage or lost, will not be entertained by Universiti Malaysia Kelantan.

Name of Graduate (Capital Letters) : _____

Identity Card No. (Old) / Identity Card
No. (New) / Passport No. : _____

Matric No. : _____

Programme of Study : _____

Year of Convocation : _____

Address : _____

Telephone No. : _____

Graduate Signature : _____

Date : _____

Check List : kindly attach the following documents

1 (one) copy of 'Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan'

1 (one) copy of Bank-in Slip

BORANG KEBENARAN WAKIL MENGAMBIL PAKAIAN KONVOKESYEN BAGI PIHAK GRADUAN

Saya seperti nama di bawah:-

Nama Graduan (Dengan Huruf Besar) : _____

Nombor Kad Pengenalan (Lama) / Nombor
Kad Pengenalan (Baru) / Nombor Pasport : _____

Nombor Matrik : _____

Program Pengajian : _____

Tahun Konvokesyen : _____

Alamat : _____

No. Telefon : _____

Saiz Jubah [Tandakan (/)] : S (), M (), L (). XL (), XXL ()

Dengan ini saya mewakilkan penama di bawah untuk mengambil pakaian konvokesyen bagi pihak saya:

Nama wakil : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Alamat : _____

No. Telefon : _____

Hubungan : _____

Tandatangan Graduan : _____

Tarikh : _____

**** Nota: Sila rujuk Perkara 5 dalam Buku Peraturan dan Syarat Istiadat Konvokesyen.**

**AUTHORIZATION FORM FOR THE COLLECTION OF CONVOCATION ATTIRE
ON BEHALF OF THE GRADUATE**

Name of Graduate (Capital Letters) : _____

Identity Card No. (Old) / Identity Card
No. (New) / Passport No. : _____

Matric No. : _____

Programme of Study : _____

Year of Convocation : _____

Address : _____

Telephone No. : _____

Robe Size [Tick the selected size (/)] : S (), M (), L (). XL (), XXL ()

Name of Representative : _____

Identity Card No. : _____

Address : _____

Telephone No. : _____

Relationship : _____

Graduate Signature : _____

Date : _____

**** Note : Please Refer Item 5 in the Convocation Rules Book.**

**BORANG PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN PAKAIAN KONVOKESYEN
KONVOKESYEN UMK KALI KE-7 TAHUN 2017**
(Hendaklah diisi dalam dua (2) salinan)

SALINAN PEJABAT

Senarai Semak (Disemak oleh pegawai bertugas) :

- | | |
|---|--|
| <input type="checkbox"/> Salinan surat Jemputan Graduan | <input type="checkbox"/> Slip Bayaran Yuran Tertunggak (jika ada) |
| <input type="checkbox"/> Salinan Kad Pengenalan | <input type="checkbox"/> Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan |
| <input type="checkbox"/> Slip Bayaran Yuran Konvokesyen | <input type="checkbox"/> Cetakan Maklumat Peribadi Portal Alumni (http://egraduasi.umk.edu.my) |

A. PENGAMBILAN

Nama : _____

No. KP/Pasport : _____ No.Matrik : _____

Fakulti : _____ No.HP : _____

Kod Program : _____

Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya faham dan patuh dengan segala syarat dan peraturan seperti termaktub dalam buku Peraturan dan Syarat Konvokesyen. Saya juga mengesahkan bahawa saya telah menerima set pakaian konvokesyen yang terdiri daripada:

- ✓ Saiz & No siri jubah : Saiz _____ & No Siri _____
- ✓ No siri Hood : _____
- ✓ No siri Mortar board/ bonnet : _____

Tandatangan Graduan_____
Disahkan oleh Pegawai Bertugas
(Nama & Tandatangan)_____
Tarikh**B. PEMULANGAN**_____
Tandatangan Graduan_____
Disahkan oleh Pegawai Bertugas
(Nama & Tandatangan)_____
Tarikh**Nota : Panduan Saiz Pakaian Konvokesyen**

Saiz Pakaian	S	M	L	XL	XXL
Ukuran Bahu	15 inci	15.5 inci	16 inci	16 inci	16.5 inci
Ukuran Labuh	42 inci	44 inci	46 inci	48 inci	50 inci

*** Syarat – syarat ini hendaklah dibaca bersekali dengan Buku Peraturan dan Syarat Istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Kelantan.**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa :-

- 1) Saya faham dan patuh dengan segala syarat dan peraturan sepertimana yang dinyatakan dalam Buku Peraturan dan Syarat Istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Kelantan.
- 2) Saya telah mengambil set lengkap pakaian konvokesyen (jubah, hood dan mortarboard/ bonet) dan mendapati kesemuanya berada dalam keadaan baik.
- 3) Saya akan mengembalikan set lengkap pakaian konvokesyen kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan dalam keadaan baik dalam masa yang ditetapkan selepas tarikh konvokesyen. Saya mengaku sekiranya saya gagal mengembalikan set lengkap pakaian konvokesyen atau pakaian konvokesyen tersebut hilang dalam tempoh pinjaman ini, saya akan menjelaskan denda sebagaimana termaktub dalam Buku Peraturan dan Syarat Istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Kelantan sebelum dibenarkan mengambil ijazah dan transkrip akademik.

**BORANG PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN PAKAIAN KONVOKESYEN
KONVOKESYEN UMK KALI KE-7 TAHUN 2017**
(Hendaklah diisi dalam dua (2) salinan)

SALINAN GRADUAN

Senarai Semak (Disemak oleh pegawai bertugas) :

- | | |
|---|--|
| <input type="checkbox"/> Salinan surat Jemputan Graduan | <input type="checkbox"/> Slip Bayaran Yuran Tertunggak (jika ada) |
| <input type="checkbox"/> Salinan Kad Pengenalan | <input type="checkbox"/> Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan |
| <input type="checkbox"/> Slip Bayaran Yuran Konvokesyen | <input type="checkbox"/> Cetakan Maklumat Peribadi Portal Alumni (http://egraduasi.umk.edu.my) |

A. PENGAMBILAN

Nama : _____

No. KP/Pasport : _____ No.Matrik : _____

Fakulti : _____ No.HP : _____

Kod Program : _____

Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya faham dan patuh dengan segala syarat dan peraturan seperti termaktub dalam buku Peraturan dan Syarat Konvokesyen. Saya juga mengesahkan bahawa saya telah menerima set pakaian konvokesyen yang terdiri daripada:

- ✓ Saiz & No siri jubah : Saiz _____ & No Siri _____
- ✓ No siri Hood : _____
- ✓ No siri Mortar board/ bonnet : _____

Tandatangan Graduan_____
Disahkan oleh Pegawai Bertugas
(Nama & Tandatangan)_____
Tarikh**B. PEMULANGAN**_____
Tandatangan Graduan_____
Disahkan oleh Pegawai Bertugas
(Nama & Tandatangan)_____
Tarikh**Nota : Panduan Saiz Pakaian Konvokesyen**

Saiz Pakaian	S	M	L	XL	XXL
Ukuran Bahu	15 inci	15.5 inci	16 inci	16 inci	16.5 inci
Ukuran Labuh	42 inci	44 inci	46 inci	48 inci	50 inci

*** Syarat – syarat ini hendaklah dibaca bersekali dengan Buku Peraturan dan Syarat Istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Kelantan.**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa :-

- 4) Saya faham dan patuh dengan segala syarat dan peraturan sepertimana yang dinyatakan dalam Buku Peraturan dan Syarat Istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Kelantan.
- 5) Saya telah mengambil set lengkap pakaian konvokesyen (jubah, hood dan mortarboard/ bonet) dan mendapati kesemuanya berada dalam keadaan baik.
- 6) Saya akan mengembalikan set lengkap pakaian konvokesyen kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan dalam keadaan baik dalam masa yang ditetapkan selepas tarikh konvokesyen. Saya mengaku sekiranya saya gagal mengembalikan set lengkap pakaian konvokesyen atau pakaian konvokesyen tersebut hilang dalam tempoh pinjaman ini, saya akan menjelaskan denda sebagaimana termaktub dalam Buku Peraturan dan Syarat Istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Kelantan sebelum dibenarkan mengambil ijazah dan transkrip akademik.

LAGU UMK

“TERBILANG UMK”

BIRU, JINGGA DAN MERAH WARNANYA
SEMANGAT SUMPAAH SETIA
INOVASI INTEGRITI
ILMU DI TEROKAI

WARISAN BUDAYA SUMBER ASLI
KEUSAHAWANAN TERAS KAMI
KEKAYAAN AKAL DAN BUDI
MENDIDIK INSAN YANG SEJATI

MERINTIS PERUBAHAN TERKINI
DEMI MU YANG MAHA PENCIPTA
MEREALISASI MIMPI MENJADI REALITI
DEMI NEGARA YANG TERCINTA

RELEVAN UNIK DAN BERBEZA
MENJANA PERADABAN BANGSA
JANJI KAMI PADA SEMUA
TABURI JASA DI MANA JUA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
TERBILANG UMK!

CATATAN








